

PELUANG PENAMBAHBAIKAN

(Tandakan ✓ pada ruangan yang berkaitan)

☒ **QMS**
☐ **EMS**
☐ **ISMS**

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Cadangan Tarikh Pelaksanaan	Catatan
1.	PTJ seringkali menghadapi kesukaran untuk mendapatkan laporan kemajuan projek/ laporan akhir penyelidikan daripada penyelidik bagi Geran Luar yang melibatkan penggunaan Sistem <i>online</i> iaitu Mygrants dan MOSTI. Cadangan penambahbaikan: i. Memandangkan Pejabat TDPA tidak dapat mengakses sistem Mygrants dan Sistem MOSTI, RMC dimohon agar dapat mengambil tindakan memaklumkan kepada PTJ sekiranya penyelidik telah menghantar Laporan ke dalam sistem Mygrants dan Sistem MOSTI. ii. Peneraju proses dicadangkan menyediakan sistem pemantauan penghantaran laporan kemajuan /akhir penyelidikan yang dapat diakses oleh Pejabat TDP/Pegawai Pemantau di PTJ. Contoh : Borang Laporan Kemajuan Projek Penyelidikan dan Borang Laporan Akhir Penyelidikan yang berasaskan Sistem Mygrants (Geran FRGS, PRGS, TRGS, LRGS,	Pihak RMC telah membangunkan Sistem Putra Research & Innovation Management System (PRIMS) untuk memantapkan proses pemantauan projek penyelidikan UPM. Modul pemantauan ini memerlukan penyelidik memuat naik laporan yang dihantar melalui sistem luar (penaja) untuk tujuan penilaian dan rekod PTJ. PTJ mempunyai akses ke sistem PRIMS dan boleh menjalankan pemantauan melalui sistem tersebut.	2017	Supaya penemuan ketakakuran yang berulang dapat dielakkan.

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Cadangan Tarikh Pelaksanaan	Catatan
	ERGS) dan Sistem MOSTI (Geran Sciencefund) (Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)			
2.	Tambah baik Borang Laporan Penilaian Prestasi Projek (PU/PY/BR40/PRESTASI).Cadangan penambahbaikan: i. Ruang komen pada bahagian Panel Penilai PTJ perlu dipecahkan bagi setiap sukuan. Berlaku kekeliruan dimana panel tidak mempunyai ruang yang cukup untuk membuat penilaian pada setiap sukuan dan mengisi komen untuk LKP 2 pada bahagian Tahun Kedua (Laporan Kemajuan 3 dan 4) ii. Pengesahan TDP/Pengarah hanya ada 2 (memuaskan dan tidak memuaskan). Perlu ditambah sederhana. (Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	Memandangkan penilaian laporan perlu dibuat setahun sekali (2 laporan digabungkan penilaiannya) maka, keperluan untuk menyediakan ruang berasingan adalah tidak perlu. Contohnya bagi laporan kemajuan 1 dan laporan kemajuan 2, penilaian hanya dibuat oleh panel pada masa laporan kemajuan 2 diterima oleh PTJ. Tujuan penilaian dirangkumkan untuk 2 laporan sekali adalah untuk memudahkan PTJ melaksanakan proses penilaian. Pihak RMC bersetuju dengan cadangan untuk menambah status 'sederhana' pada Borang Laporan Penilaian Prestasi Projek (PU/PY/BR40/PRESTASI).	2017	-

LAMPIRAN 35

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Cadangan Tarikh Pelaksanaan	Catatan
3.	UCTC akan mengadakan Bengkel Hala Tuju untuk memantapkan fungsian dan mengenalpastian strategi baharu yang akan menyumbang kepada pencapaian Pelan Strategi UPM UPM 2014-2020 (Matlamat ke 3: Melonjakkan Perkhidmatan Jaringan Industri dan Masyarakat) (Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat – Pusat Transformasi Komuniti Universiti - UCTC))	Dalam proses persediaan untuk mengadakan bengkel.	18 hingga 20 Ogos 2017	-
4.	Mengadakan latihan kepada pegawai TNCJINM dan entiti JINM yang memegang jawatan TPKD, TPAD, TPLS, TPKP, Juruaudit PTJ, Pegawai E-Waste, Pegawai Aset, Pegawai OSH, 5S, Pegawai Rekod Jabatan (PRJPTJ) dan lain-lain yang berkaitan dengan SPK berikutan terdapat pegawai lantikan baharu atau pertukaran/bersara. (Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat))	TPLS JINM dan Entiti JINM akan menyediakan perancangan dan penyelarasan latihan mengikut kesesuaian jawatan yang disandang dalam sistem SPK, OSH dan sebagainya	Oktober hingga Disember 2017	Menyelaras latihan bersama dengan Pejabat Pendaftar, Bursar, CQA, OSHA
5.	Memberikan perkhidmatan yang efektif kepada masyarakat menerusi perkhidmatan pengesanan awal kanser. Ini adalah untuk menjayakan Pelan Strategik UPM 2014-2020 (Matlamat ke 3: Melonjakkan Perkhidmatan Jaringan Industri dan Masyarakat) (Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat - Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser, CaRE UPM))	Menawarkan perkhidmatan pengesanan awal kanser menggunakan mesin <i>ultrasound</i>. Perkhidmatan ini telah menyumbang dalam dalam sub-komponen JINM iaitu: i. Jaringan Industri dan Masyarakat; ii. Aktiviti kesukarelawan menerusi	2017	Kertas kerja bagi cadangan mengadakan perkhidmatan pengesanan awal kanser (early cancer detection) akan

LAMPIRAN 35

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Cadangan Tarikh Pelaksanaan	Catatan
		program “Pengesanan Awal Kanser @ Putra Bakti”; dan iii. Penjanaan Pendapatan. Menerusi perkhidmatan ini juga, CaRE UPM turut menyokong perkhidmatan diagnostik yang ditawarkan di PPDN dengan menjadi salah satu <i>feeder</i> rujukan pesakit yang perlu mendapatkan pemeriksaan lanjut di PPDN menerusi <i>CT Scan</i>, MRI dan <i>Pet Scan</i>.		dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti untuk kelulusan.

(Tandakan ✓ pada ruangan yang berkaitan)

☐ QMS ☐ EMS ☒ ISMS

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Cadangan Tarikh Pelaksanaan	Catatan
1.	Menaiktaraf Sistem Pencahayaan di Pusat Data Utama (IDEC Beta). Peneraju ISMS bagi Pengurusan Pusat Data – IDEC	Merancang untuk melaksanakan naiktaraf Sistem Pencahayaan Pusat Data pada tahun 2018.	2018	Memohon pihak Pejabat Pembangunan dan pengurusan Aset (PPPA) mengambilkira keperluan ini dalam perancangan naiktaraf infrastruktur UPM tahun 2018.